

Teliti bayaran minimum pembantu rumah asing

B.H 6/9/09 M1520

KUALA LUMPUR: Cadangan pembayaran gaji bulanan sebanyak RM800 kepada pembantu rumah warga asing adalah terlalu tinggi dan tidak mampu dibayar oleh ramai majikan di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meminta Kementerian Sumber Manusia mengkaji isu gaji minimum bagi sektor berkenaan secara teliti sebelum membuat sebarang keputusan mengenai-



nya. Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, (**kanan**) berkata Akta Kerja 1955 tidak menetapkan gaji minimum untuk mana-mana sektor sebaliknya sebagai negara mengamalkan konsep ekonomi terbuka, gaji bagi sesuatu bidang ditentukan oleh daya pasaran sedia ada.

"Negara tidak boleh menetapkan gaji minimum untuk sesuatu bidang pekerjaan seperti sektor pembantu rumah. Sekiranya gaji minimum ini dilaksanakan, ia menimbulkan pelbagai implikasi kepada sektor pekerjaan lain," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Kelmarin, Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (Papa) mengangap cadangan kerajaan Indonesia yang mahu gaji pembantu rumah dari republik itu dinaikkan kepada RM800 sebulan, sebagai tidak munasabah dilaksanakan sekarang.